



## BUKU PANDUAN

MAJLIS KONVOKESYEN KE 10/2016

UNIVERSITI METROPOLITAN ASIA

**1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

### SENARAI SEMAK KANDUNGAN SAMPUL

Pastikan semua perkara berikut disertakan dalam sampul surat yang diterima :

1. Buku Panduan Majlis Konvokesyen 2016.
2. Peta panduan ke Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor

### PENTING

-Sila isi Borang Kajian Pengesanan Graduan AMU di dan <http://graduat.mohe.gov.my>

Graduan **DIWAJIBKAN** mengisi atau mengemaskini borang soal selidik kajian pengesanan Graduan (KPT) yang boleh di capai di laman web <http://graduat.mohe.gov.my> dan mengisi borang pemantauan graduan AMU (*dilampirkan sekali dengan surat jemputan*). Sila isi borang soal selidik dengan lengkap dan "cetak slip" Kajian Pengesanan Graduan (KPT) serta bawa borang pemantauan graduan AMU.

"Cetak slip" sebagai bukti borang telah diisi dengan jayanya dan tunjukkan slip berkenaan semasa pengambilan jubah. Graduan yang gagal menunjukkan slip berkenaan **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah konvokesyen.

## MAJLIS KONVOKESYEN 2016

Majlis ini merupakan majlis yang cukup bermakna kepada semua graduan yang telah menuntut di Universiti ini. Graduan diharapkan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan majlis ini berlangsung dengan jayanya. Berikut adalah beberapa maklumat penting yang perlu diberi perhatian oleh para graduan.

### i. Tarikh & Tempat

**Tarikh** : 1hb Disember 2016 (Khamis)  
**Tempat** : Dewan Besar,  
 Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan  
 Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
 Universiti Putra Malaysia (UPM),  
 43400 Serdang, Selangor

### ii. Sesi Pengurniaan Sijil

Majlis Konvokesyen akan dijalankan dalam satu (1) sesi yang merangkumi kesemua graduan bagi Universiti Metropolitan Asia. Graduan akan naik ke pentas untuk menerima anugerah Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / Ijazah Kedoktoran.

### iii. Jubah Konvokesyen

Jubah konvokesyen graduan Diploma adalah berwarna hitam. Jubah perlu dipakai bersama topi (mortar board) dan selepang (hood).

### iv. Raptai (Rehearsal)

Semua graduan **DIWAJIBKAN** hadir bagi sesi raptai (rehearsal). Tarikh, masa dan tempat adalah seperti berikut:-

Tarikh	Sidang	Masa	Tempat
30 November 2016 (Rabu)	Pertama	10.00 pagi hingga 1.00petang	Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor

**v. Pengambilan Jubah Konvokesyen**

Pengambilan jubah adalah mengikut Sesi Kemasukan Pengajian. Para graduan dikehendaki mengambil jubah masing-masing. Tarikh, masa dan tempat pengambilan adalah seperti berikut :

Tarikh	Sidang	Masa	Tempat
30 November 2016 (Rabu)	Pertama	1.30 petang hingga 3.30 petang	Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor

Graduan dikehendaki menyerahkan dokumen dan borang-borang seperti berikut semasa pengambilan jubah :-

1. **Slip cetakan Borang Pengesanan Graduan (Tracer Study) KPT.**
2. **Borang Pemantauan Graduan**
3. Pengambilan jubah pada hari konvokesyen adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

**vi. Pembayaran**

1. Pembayaran yang telah dijelaskan bagi tujuan konvokesyen merangkumi :

- i. **Pembayaran Konvokesyen : RM500.00**  
Sewa 1 Set Jubah, 1 Buku Program Konvokesyen, 1 Beg AMU, Sijil and Transkrip, 1 Folder siswazah dan 3 set gambar konvokesyen serta 1 set CD)
- ii. **Pembayaran Alumni : RM 25.00**

vi. Graduan juga boleh hadir ke Jabatan Hal Ehwal Akademik, Universiti Metropolitan ASIA bermula daripada **10/11/2016** bagi membuat Semakan kehadiran ke Konvokesyen.

**PERHATIAN: SYARAT PENYEWaan JUBAH KONVOKESYEN**

1. Graduan diingatkan supaya memastikan pakaian jubah adalah lengkap (jubah, topi dan selepang). Ketiadaan salah satu komponen pakaian konvokesyen menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** memasuki dewan.
2. Graduan hanya dibenarkan mengambil pakaian konvokesyen mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. Sebarang pengambilan jubah bagi pihak orang lain (tanpa surat pengesahan wakil ambil jubah) dan selain daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Graduan **DIGALAKKAN** mengambil pakaian jubah konvokesyen sendiri untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan bagi menentukan saiz yang bersesuaian.
4. Graduan akan berpandukan senarai nama yang akan dipamirkan di lokasi pengambilan jubah bagi tujuan pengambilan dan pemulangan jubah.

**vii. Pemulangan Jubah**

Tarikh, masa dan tempat pemulangan jubah adalah seperti berikut :

**Tarikh** : 1/12/2016 (Khamis)

**Masa** : 1.30 petang – 3.30 petang

**Tempat** : Dewan Besar,  
Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Universiti Putra Malaysia (UPM),  
43400 Serdang, Selangor  
(tempat mengambil jubah)

Semasa pemulangan jubah, graduan perlu memastikan jubah dalam keadaan baik dan lengkap dengan topi dan selepang. Sila patuhi peraturan-peraturan berikut semasa memulangkan jubah.

1. Beratur dengan sempurna.
2. Serahkan jubah lengkap dengan topi dan selepang serta tandatangan pada senarai yang disediakan di kaunter. Pemulangan jubah menerusi wakil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
3. Serahkan borang pengesahan pemulangan jubah dan pengesahan penerimaan transkrip dan diploma. Transkrip dan diploma **HANYA DIBENARKAN** diambil oleh graduan sendiri. Pengambilan transkrip dan diploma melalui wakil **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.  
**\*PENTING\*** : Graduan yang masih **BERHUTANG** dengan Universiti **TIDAK** akan diberikan transkrip dan diploma sehingga semua jumlah hutang diselesaikan.

Syarat dan maklumat mengenai penyewaan jubah konvokesyen adalah seperti berikut :-

- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengubahsuai jubah yang dipinjamkan.
- Sebarang kehilangan/keciciran jubah, topi dan selepang adalah **TANGGUNGJAWAB GRADUAN**.
- **KELEWATAN MEMULANGKAN JUBAH** menyebabkan graduan akan dikenakan denda **RM50.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja) **SEHARI**.
- Sekiranya graduan menyebabkan pakaian jubah konvokesyen yang dipinjamkan **rosak atau hilang atau dipulangkan tidak lengkap**, denda yang akan dikenakan ialah **RM500.00** (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)


**viii. Panduan Pemakaian Jubah Konvokesyen**

Jubah hendaklah dipakai dengan kemas dan tertib seperti panduan berikut :-

- Selepang hendaklah terletak di atas paras kedua-dua bahu (rujuk gambarajah).
- Rumbai (tassel) pada topi hendaklah dibiarkan tergantung dihadapan sebelah kiri (rujuk gambarajah)


**GRADUAN PEREMPUAN**

- Baju kurung berwarna cerah atau kemeja lengan panjang/blaus bagi graduan yang ingin memakai seluar.
- Kasut bertutup penuh. Sandal samada bertali atau tidak adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Pemakaian skirt adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Bagi graduan yang tidak bertudung, rambut hendaklah disikat rapi. Rambut yang panjang perlu diikat rapi dan kemas.



**GRADUAN LELAKI**

- Lounge suit berwarna gelap sahaja atau kemeja lengan panjang berwarna cerah atau pakaian kebangsaan.
- Kasut hitam **SAHAJA** dan digilap.
- Seluar jeans adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Memakai tali leher.
- Rambut pendek/tidak mencecah kolar baju.



## MAJLIS KONVOKESYEN

Graduan **DIKEHENDAKI** datang awal ke Dewan Besar untuk persediaan perarakan masuk ke dewan. Para graduan perlu berada di Dewan Besar, UPM pada masa dan tempat seperti berikut :-

Bil.	Perkara	Masa	Tempat
<b>SESI PAGI</b>			
1.	Pendaftaran Graduan	7.00 pagi – 7.30 pagi	Kaunter Pendaftaran
2.	Persediaan Perarakan Masuk	7.30pagi – 8.00pagi	Luar Dewan Konvensyen
3.	Perarakan Masuk Graduan & Mengambil Tempat	8.00 pagi – 8.30pagi	Dewan Konvensyen

## SIDANG KONVOKEYEN AMU 10/2016 DAN AMC 6/2016

BIL	TARIKH/HARI	SIDANG KONVOKEYEN	MASA	SESI KEMASUKAN	FAKULTI/PROGRAM
1	30/11/2016 (RABU)	AMU CHERAS, AMC KUCHING, AMC KOTA KINABALU	10.00 PAGI 1.30 PETANG - 3.30 PETANG	SEMUA SESI KEMASUKAN	RAPTAI PENGAMBILAN JUBAH
2	01/12/2016 (KHAMIS)	SESI PERTAMA (AMU CHERAS)	10.00 PAGI	PROGRAM SARJANA, IJAZAH DAN DIPLOMA (SEMUA SESI KEMASUKAN)	CENTER FOR POSTGRADUATE STUDIES MASTER IN BUSINESS ADMINISTRATION FACULTY OF PHARMACY BACHELOR OF PHARMACY (Hons) 4+0 IN COLLABORATION WITH UNIVERSITY OF LA TROBE AUSTRALIA BACHELOR OF PHARMACY FACULTY OF BUSSINES BACHELOR OF SCIENCE (Hons) IN BUSINESS ADMINISTRATION DIPLOMA IN BUSINESS ADMINISTRATION FACULTY OF ALLIED HEALTH SCIENCE BACHELOR OF BIOMEDICAL SCIENCE (Hons) BACHELOR OF SCIENCE (Hons) HEALTHCARE MANAGEMENT BACHELOR OF SCIENCE (Hons) ENVIRONMENTAL HEALTH AND SAFETY DIPLOMA IN MEDICAL LABORATORY TECHNOLOGY DIPLOMA IN HEALTHCARE FACULTY OF THERAPEUTIC SCIENCE BACHELOR OF PHYSIOTHERAPY (Hons) BACHELOR OF MEDICAL IMAGING AND RADIOTHERAPY (Hons) BACHELOR OF SCIENCE (Hons) PARAMEDIC SCIENCE DIPLOMA IN PHYSIOTHERAPY DIPLOMA IN PARAMEDIC SCIENCE (PRE-HOSPITAL CARE) DIPLOMA IN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
		SESI PERTAMA (AMC KUCHING DAN AMC KOTA KINABALU)	12.00 TENGAHARI	PROGRAM DIPLOMA (SEMUA SESI KEMASUKAN)	AMC KUCHING DIPLOMA IN MEDICAL LABORATORY TECHNOLOGY DIPLOMA IN HEALTHCARE DIPLOMA IN ENVIRONMENTAL HEALTH DIPLOMA IN PHYSIOTHERAPY AMC KOTA KINABALU DIPLOMA IN MEDICAL LABORATORY TECHNOLOGY DIPLOMA IN HEALTHCARE DIPLOMA IN PHARMACY DIPLOMA IN PHYSIOTHERAPY DIPLOMA IN NURSING
		Sesi Petang	1.30 PETANG - 3.30 PETANG	SEMUA SESI KEMASUKAN / INTAKE	PEMULANGAN JUBAH

**1. Tatacara Pendaftaran Graduan.**

Graduan dikehendaki mendaftar di kaunter pendaftaran mengikut Sesi Kemasukan Pengajian, spertimana yang telah diatur pada hari Konvokesyen di kaunter pendaftaran Dewan Besar, UPM. Graduan dikehendaki mendaftar di kaunter pendaftaran mengikut Sesi Kemasukan Pengajian,sepertimana telah diatur pada hari konvokesyen di kaunter pendaftaran Dewan Besar, UPM. (adalah sama seperti aturcara bagi pengambilan jubah)

**2. Persediaan Pendaftaran Graduan**

- i. Graduan dinasihatkan mengambil sarapan pagi (sesi pagi) terlebih dahulu sebelum mendaftar.
- ii. Graduan dikehendaki berada dalam barisan kumpulan selepas pendaftaran dan **TIDAK DIBENARKAN** berlegar-legar di kawasan dewan.
- iii. Graduan dikehendaki memakai jubah semasa pendaftaran.

**3. Graduan dikehendaki :**

- i. Menunjukkan Kad Pengenalan.
- ii. Menandatangani senarai kehadiran.

**4. Graduan akan diberikan :**

- i. Kad yang mengandungi nama pelajar dan nombor panggilan pendaftaran (Kad Panggilan/Call Card)  
(Perlu disimpan dan diserahkan kepada Pengacara Majlis semasa beratur sebelum dipanggil menaiki tangga pentas utama konvokesyen bagi penganugerahan diploma daripada Tetamu Kehormat)

**(PELAJAR DIINGATKAN SUPAYA MEMILIKI DAN MENYIMPAN KAD PANGGILAN DENGAN BAIK BAGI MEMASTIKAN MAJLIS PENGANUGERAHAN BERJALAN DENGAN SEMPURNA.**

**ii. Persediaan Perarakan Masuk**

1. Setiap Sesi Pengajian Graduan akan dibantu, diselia dan dipantau oleh seorang Koordinator.
2. Graduan dikehendaki berbaris dengan memakai pakaian konvokesyen yang lengkap mengikut Sesi Pengajian, abjad nama atau nombor Kad Panggilan.
3. Graduan akan diarak memasuki dewan ke tempat duduk yang ditetapkan dengan didahului oleh Koordinator masing-masing.



## TERTIB PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA/IJAZAH SARJANA MUDA/ IJAZAH SARJANA/ IJAZAH KEDOKTORAN

1. Graduan akan naik ke pentas untuk menerima anugerah diploma mengikut sesi kemasukan masing-masing, graduan akan berbaris dalam satu barisan mengikut turutan abjad.
2. Graduan dikehendaki menyerahkan Kad Panggilan kepada Pegawai/Pembantu Pengacara majlis sebelum nama dipanggil untuk menaiki pentas utama.

## PERATURAN DALAM DEWAN

1. Kanak-kanak bawah **umur 12 tahun TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam Dewan.
2. **DILARANG** mengambil gambar semasa berada di dalam Dewan dan telefon bimbit (*handphone*) hendaklah ditutup (*switch off*).
3. Graduan akan diiringi oleh Koordinator ke tempat duduk di dalam Dewan dan diminta duduk di tempat masing-masing dengan tertib.
4. Jubah hendaklah dipakai dengan sempurna sepanjang berada di dalam Dewan.
5. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari Dewan semasa istiadat Konvoquesyen sedang berlangsung.
6. Apabila diumumkan, "Perarakan Akademik Masuk Ke Dewan", semua graduan dan tetamu diminta berdiri sehingga ahli-ahli perarakan itu duduk di tempat masing-masing. Begitu jugalah apabila diumumkan "Perarakan Akademik Keluar Dewan".
7. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan bacaan doa selamat. Semua hadirin dikehendaki berdiri semasa nyanyian lagu Negaraku dan duduk dengan tertib semasa doa selamat dibacakan.
8. Setelah Dekan selesai memohon kebenaran Ybhg **Canselor** mengurniakan sijil/ diploma/ ijazah sarjana muda/ijazah sarjana, semua graduan diminta berdiri di tempat masing-masing. Ybhg **Canselor** kemudian akan mengumumkan penganugerahan sijil/ diploma /ijazah sarjana muda/ijazah sarjana itu. Selesai pengumuman, graduan program diploma berkenaan dikehendaki beratur dan bergerak menuju ke anak tangga di sebelah kanan pentas.
9. Graduan akan keluar mengikut perarakan selepas Juruacara mengumumkan perarakan graduan keluar Dewan.
10. Telefon bimbit **tidak dibenarkan** dihidupkan (*switch on*) di dalam Dewan Konvoquesyen.

## KAD JEMPUTAN

1. Kad jemputan hanya diberi sekali semasa pengambilan jubah. Pastikan kad tidak tercicir atau hilang. Hanya 2 orang tetamu/pengiring **SAHAJA** (tidak termasuk graduan) dibenarkan masuk ke Dewan. Pengiring tambahan akan diberi kupon masuk ke dewan.  
**(tetamu/pengiring TIDAK DIBENARKAN masuk ke dewan tanpa kad jemputan).**

### PEGAWAI PERHUBUNGAN

Sekiranya graduan memerlukan maklumat dan penjelasan lanjut mengenai konvokesyen, graduan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut :-

- |                  |                        |
|------------------|------------------------|
| 1. Pn. Jubaidah  | 03-9080 5888 samb 306  |
| 2. Cik Meena     | 03- 9080 5888 samb 316 |
| 3. Cik Mishalini | 03- 9080 5888 samb 311 |

